

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

DIPYRIDAMOLE



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



MENGENAL ubat anda

Dipyridamole mencegah pembentukan bekuan darah yang membahayakan. Ubat ini boleh digunakan pada orang-orang yang mempunyai masalah penyakit injap-injap jantung yang sudah diganti dengan injap-injap mekanikal kerana bekuan darah akan khasnya senang berlaku di kalangan pesakit-pesakit ini.

Kadang-kala, ubat ini boleh juga digunakan untuk penyakit-penyakit jantung dan darah yang lain seperti yang ditentukan oleh doktor anda.

BAGAIMANA saya mengambil ubat?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan pada keterukan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang diarahkan oleh doktor anda.

Jumpa ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara betul untuk mengambil ubat anda.

Ubat ini bertindak dengan paling baik apabila terdapat jumlah yang tetap di dalam darah. Untuk membantu mengekalkan jumlah yang tetap, ubat ini mesti diambil dalam selang dos yang tetap, seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Ambil ubat ini dengan satu gelas air penuh sekurang-kurangnya setengah hingga 1 jam sebelum makan untuk penyerapan yang lebih baik. Ubat ini boleh diambil dengan makanan jika kepedihan gastrousus berlaku.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor dan periksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Panggil doktor anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang berikut:

- Kesakitan dada yang berlarutan lebih daripada 15 minit
- Ruam kulit, kegatalan yang teruk atau urtikaria
- Kekuningan kulit atau mata

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah dengan kesan-kesan sampingan yang kurang teruk:

- Kepeningan, pitam, kesakitan kepala
- Mual, muntah atau kepedihan perut
- Kemerahan muka

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Dipyridamole kadang-kala digunakan bersama-sama dengan anticoagulant (penipis darah) atau aspirin. Kombinasi ubat-ubat boleh memberikan perlindungan yang lebih baik untuk mencegah bekuan darah berbanding dengan penggunaannya secara sendiri. Namun, risiko pendarahan mungkin juga lebih tinggi apabila dipyridamole diambil bersama-sama dengan aspirin. Untuk mengurangkan risiko pendarahan, jangan mengambil aspirin bersama-sama dengan ubat ini kecuali dipreskripsikan khususnya oleh doktor untuk penggunaan bersama-sama.

Beritahu semua doktor dan doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil dipyridamole dan jika anda juga mengambil anticoagulant atau aspirin.

Jika anda sedang mengambil aspirin pada waktu yang sama, anda perlu selalu menjumpai doktor anda untuk pemeriksaan kemajuan anda semasa rawatan.

Berhati-hati semasa bangun dengan tiba-tiba daripada keadaan baring atau duduk. Kepeningan akan berlaku jika bangun dengan terlalu cepat.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil setengah ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda alahan terhadap sebarang ubat lain atau jika anda berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.